



PEKELILING AKADEMIK BILANGAN 1/2021

KEBENARAN MASUK PARA PELAJAR SECARA BERSEMUKA BAGI SEMESTER FEBRUARI 2020/2021 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk dan Kenyataan Media oleh Kementerian Pengajian Tinggi bertarikh 31 Januari 2021 adalah berkaitan.

2. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada warga UMK berkenaan dengan kebenaran masuk para pelajar (Prasiswa & Pascasiswa) secara bersemuka bagi Semester Februari 2020/2021 UMK bermula 1 Mac 2021.

3. Pihak universiti telah bersetuju untuk membenarkan enam (6) kategori pelajar yang berkeperluan untuk kembali ke Kampus bagi mengikuti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara hidbrid selaras dengan kenyataan media yang dikeluarkan oleh KPT. Enam kategori pelajar adalah seperti berikut:

- 3.1. Pelajar dari program pengajian peringkat Sijil, Diploma, Ijazah Sarjana Muda dan Pasca Siswazah yang memerlukan praktikal, makmal, klinikal, latih amal, studio, bengkel dan peralatan khas;
- 3.2. Pelajar yang tidak mempunyai akses dan persekitaran tidak kondusif bagi melaksanakan PdP dalam talian;
- 3.3. Pelajar Asasi atau Setara dan Diploma yang sedia ada di kampus boleh meneruskan pembelajaran secara hibrid;
- 3.4. Semua pelajar antarabangsa sedia ada dan baharu kecuali dari United Kingdom;
- 3.5. Pelajar Berkeperluan Khas (OKU); dan
- 3.6. Pelajar yang menduduki peperiksaan Malaysia University English Test (MUET), antarabangsa dan badan profesional

4. Walau bagaimanapun, kategori-kategori pelajar seperti di atas masih terikat dengan syarat syarat tambahan bagi mengurangkan risiko penularan Covid19 di kalangan pelajar seperti Jadual 1 dan 2 dibawah ;

Jadual 1: Syarat pergerakan pelajar mengikut Zon Risiko (Sila rujuk Zon Risiko mengikut Mukim yang dikeluarkan melalui FB Kementerian Kesihatan Malaysia secara Harian)

ZON (MUKIM)	TINDAKAN
MERAH	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Hadir awal 10 hari dan WAJIB menjalani pemantauan kendiri selama 10 hari di Pusat Pengasingan yang disediakan oleh UMK atau ✓ Pelajar yang tinggal di rumah sewa juga perlu menjalani pemantauan kendiri selama 10 hari ✓ Pematuhan SOP yang ketat
JINGGA	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Tidak perlu menjalani pemantauan kendiri ✓ Boleh meneruskan PdP secara <i>hybrid/mix mode</i> di kampus ✓ Pematuhan SOP yang ketat
KUNING	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Tidak perlu menjalani pemantauan kendiri ✓ Boleh meneruskan PdP secara <i>hybrid/mix mode</i> di kampus ✓ Pematuhan SOP yang ketat
HIJAU	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Tidak perlu menjalani pemantauan kendiri ✓ Boleh meneruskan PdP secara <i>hybrid/mix mode</i> di kampus ✓ Pematuhan SOP yang ketat

Jadual 2: Syarat tambahan bagi semua pelajar tanpa mengira Zon Risiko

Jenis risiko	Catatan	Tindakan yang perlu diambil
Pelajar dari Sabah	<p>Wajib menjalani ujian swab di klinik kesihatan kerajaan terdekat dalam masa 3 hari sebelum bertolak.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Hadir awal 10 hari dan WAJIB menjalani pemantauan kendiri selama 10 hari di pusat pengasingan yang disediakan oleh IPT atau • Pelajar yang tinggal di rumah sewa juga perlu menjalani pemantauan kendiri selama 10 hari • Pematuhan SOP yang ketat

Pelajar yang disahkan positif	Tanpa mengira lokasi kuarantin iaitu di kediaman atau di Pusat Rawatan Khusus	<ul style="list-style-type: none"> Tidak dibenarkan pulang ke kampus Teruskan menjalani rawatan di hospital Kembali ke kampus setelah disahkan sihat oleh pihak hospital
Pelajar yang berkategori kontak rapat	Tanpa mengira sama ada bergejala atau tidak ataupun ujian swab diambil atau tidak	<ul style="list-style-type: none"> Tidak dibenarkan pulang ke kampus Teruskan pemerhatian dirumah sehingga cukup 10 hari tempoh dari tarikh terakhir kontak dengan pesakit positif atau kontak rapat kes positif. Kembali ke kampus apabila cukup tempoh pemantauan kendiri tersebut
Pelajar dari kawasan PKPD	-	<ul style="list-style-type: none"> Tidak dibenarkan pulang ke kampus Kembali ke kampus apabila kerajaan menarik balik perisytiharan Zon PKPD di kawasan kediaman tersebut.
Pelajar yang bergejala	Sebarang gejala yang berkaitan dengan Covid19	<ul style="list-style-type: none"> Tidak dibenarkan pulang ke kampus Dapatkan rawatan di Klinik Kesihatan Kerajaan terdekat Kembali ke kampus apabila telah sembah dari sebarang gejala tersebut.
Pelajar yang mana ahli keluarga serumah diambil swab	Tanpa mengira samada ujian swab dilakukan di klinik swasta atau kerajaan atau ahli keluarga tersebut dipakaikan gelang atau tidak	<ul style="list-style-type: none"> Tidak dibenarkan pulang ke kampus Kembali ke kampus apabila ahli keluarga tersebut disahkan bebas dari risiko jangkitan Covid19

Pelajar yang mana ahli keluarga serumah diarahkan kuarantin di rumah akibat positif Covid19	-	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak dibenarkan pulang ke kampus • Kembali ke kampus apabila ahli keluarga tersebut disahkan bebas dari risiko jangkitan Covid19
---	---	---

5. Bagi para pelajar yang layak untuk kembali ke kampus hendaklah peka dengan arahan selanjutnya yang akan dikeluarkan oleh pihak Universiti dari semasa ke semasa yang melibatkan kelulusan kebenaran hadir ke Kampus, tarikh kehadiran, saringan kesihatan, kaedah pergerakan dan sebagainya. Jumlah pelajar yang dibenarkan ke Kampus juga adalah tertakluk kepada kapasiti ruang yang dibenarkan sahaja.

6. Pelaksanaan PdP secara hibrid di dalam kampus akan dilaksanakan dengan mematuhi sepenuhnya Prosedur Operasi Standard (SOP) dan mengutamakan keselamatan serta kebijakan pelajar. Pelajar yang tidak termasuk dalam kategori pelajar berkeperluan pula akan meneruskan PdP secara dalam talian. Mahasiswa UMK dinasihatkan supaya mengambil langkah waspada dalam mencegah risiko penularan wabak COVID-19, mengamalkan norma baharu serta mematuhi arahan semasa yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan.

Sekian, harap maklum.

“RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

PROF. DR. MOHD RAFI BIN YAACOB

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

4 FEBRUARI 2021

- | | | |
|------|---|--|
| s.k. | - | Naib Canselor |
| | - | Timbalan Naib Canselor – Timbalan Naib Canselor |
| | - | Pendaftar |
| | - | Semua Dekan/ Pengarah Pusat Pengajian |
| | - | Timbalan Pendaftar Bahagian Pentadbiran Akademik |